



JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR  
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA SEKOLAH MENENGAH



PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK (2)  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

3756/2

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2  
Sept./Okt.  
2½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.**
2. Jawab semua soalan di **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B.**
3. Tulis jawapan anda pada **Kertas Helaian Tambahan** yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.
4. Bersama-sama dengan kertas soalan ini, calon diberi alat tulis perakaunan berikut:
 

Buku Tunai Tiga Ruangan	2 helai
Jurnal	2 helai
Lejar	5 helai
5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
6. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.
7. Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.
8. Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.
9. Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baru.
10. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.
11. Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak.

**Bahagian A****[68 markah]***Jawab semua soalan.*

- 1 Encik Firdaus memulakan perniagaan Kedai Alatan Sukan Firdaus di Ampang, Selangor pada 1 Julai 2010 dengan modal berjumlah RM60 000 yang terdiri daripada:

	RM
Tunai di bank	56 500
Tunai di tangan	3 500

**Lampiran A** menunjukkan dokumen perniagaan Kedai Alatan Sukan Firdaus berdasarkan urusan niaga sepanjang bulan Julai 2010.

**Anda dikehendaki:**

- (a) Menyediakan catatan dalam buku-buku catatan pertama yang sesuai termasuk Buku Tunai (Jurnal Penerimaan Tunai dan Jurnal Pembayaran Tunai **tidak** perlu ditunjukkan). [11 markah]
- (b) Memindahkan catatan daripada buku-buku catatan pertama ke lejar. [10½ markah]
- (c) Menyediakan Imbangan Duga pada 31 Julai 2010. [6½ markah]

- 2 Berikut adalah baki-baki lejar yang diperoleh daripada buku perniagaan JAKEN & Co. pada 30 Jun 2010.

	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 Julai 2009:		
Janna		30 000
Kenny		20 000
Nathan		10 000
Akaun Semasa pada 1 Julai 2009		
Janna		1 200
Kenny		6 600
Nathan	800	-
Ambilan: Janna (1 Sept 2009)	2 300	-
Elaun : Kenny	3 600	
Gaji	20 764	-
Pinjaman Dana Usahawan	-	30 000
Faedah pinjaman	715	-
Penghutang dan Pemiutang	43 256	26 098
Angkutan keluar	1 475	-
Pulangan	1 836	-
Bank	-	1 050
Diskaun	-	750
Tunai	1 394	
Lekapan dan Lengkapan (kos)	44 000	-
Peruntukan susut nilai Lekapan dan Lengkapan	-	15 300
Stok pada 1 Julai 2009	28 198	-
Kadar bayaran	2 765	-
Sewa kedai	7 150	-
Belian dan Jualan	67 003	85 486
Hutang lapuk	1 228	-
	<u>226 484</u>	<u>226 484</u>

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

**Antara kandungan yang terdapat dalam Ikatan Perkongsian mereka adalah:**

- Faedah atas modal adalah 5 % atas modal setiap pekongsi.
- Kenny layak mendapatkan bayaran elaun bulanan RM350 sebulan. Elaun yang belum dibayar akan dikreditkan dalam Akaun Semasanya.
- Untung atau rugi dibahagikan mengikut nisbah modal tetap masing-masing.
- Ambilan pekongsi akan dicaj faedah 6 % setahun berasingan bulanan.

**Maklumat tambahan:**

- (i) Stok pada 30 Jun 2009 ialah RM39 680 pada harga kos dan RM37 442 pada nilai pasaran.
- (ii) Sebahagian daripada Lekapan dan Lengkapan berkos RM14 000 telah dibeli pada 30 Jun 2010 dan yang lainnya telah dibeli pada 1 Julai 2007.
- (iii) Polisi susut nilai: semua aset bukan semasa disusut nilai pada kadar 30 % setahun mengikut kaedah Baki Berkurangan berdasarkan bulan penggunaan.
- (iv) Kadar sewa kedai ialah RM550 sebulan.
- (v) Angkutan Masuk berjumlah RM480 telah tersalah rekod dalam Angkutan Keluar, kesilapan ini belum lagi diperbetulkan.
- (vi) Pinjaman Dana Usahawan telah dibuat pada 31 Ogos 2009 dan kadar faedah yang dikenakan adalah 4.4 % setahun.

**Berdasarkan kesemua maklumat yang telah diberikan, anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata Pendapatan dan Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2010. [9 markah]
- (b) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2010. [3 markah]
- (c) Akaun Semasa Pekongsi dalam bentuk beruangan. [3 markah]
- (d) Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2010. [5 markah]

- 3 Persatuan Alumni SMK Selesa Height menganjurkan Malam Tautan Kasih sempena ulang tahun ke-5. Bagi tujuan mengumpul dana, persatuan telah menjalankan aktiviti menjual cenderamata. Baki berikut diperoleh daripada buku kelab tersebut bagi tahun berakhir 31 Disember 2009.

	<u>1 Jan 2009</u>	<u>31 Dis 2009</u>
	RM	RM
Alatan (kos)	3 190	3 190
Stok cenderamata	743	935
Simpanan tetap (mulai 1 September 2009)	-	13 200
Yuran ahli tertunggak	231	-
Yuran ahli terdahulu	-	198
Pemiutang cenderamata	3 036	2 178
Kadar bayaran terakru	-	660

**Persatuan Alumni SMK Selesa Height**  
**Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009**

	RM		RM
Baki b/b	6 170	Pemiutang	5 655
Yuran masuk	330	Akhbar dan majalah	165
Yuran ahli	10 824	Simpanan tetap	13 200
Derma	4 125	Belanja pertandingan sukaneka	231
Yuran pertandingan sukaneka	264	Sewa bangunan	3 300
Jualan cenderamata	6 728	Upah pekerja kedai	594
Faedah simpanan tetap	440	Kadar bayaran	748
	<u>28 881</u>	Baki h/b	4 988
			<u>28 881</u>

**Maklumat tambahan:**

- (i) Faedah atas simpanan tetap ialah 10 % setahun.
- (ii) Alatan disusutnilaikan 20 % setahun atas kos.
- (iii) Derma yang diterima adalah untuk tujuan pembelian mesin fotostat.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Yuran Ahli. [2 markah]
- (b) Mengira jumlah belian. [1 markah]
- (c) Menyediakan Penyata Perdagangan bagi aktiviti menjual cenderamata bagi tahun berakhir 31 Disember 2009. [2 markah]
- (d) Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009. [5 markah]

- 4 Cik Syafika bercadang memulakan perniagaan SYAFIKA DANDANAN TRENDY, perkhidmatan gunting dan dandanan rambut pada 31 Mac 2011 dengan modal permulaan di bank RM15 000.

Anggaran penerimaan dan pembayaran bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2011 adalah seperti berikut:

- (i) Pada bulan Januari 2011, beliau bercadang untuk membeli secara tunai set lengkap peralatan gunting dan dandanan bernilai RM3 500 seunit, membeli perabot bernilai RM6 500 dengan bayaran pendahuluan sebanyak RM1 700 dan bakinya akan dibayar secara ansuran bulanan (pokok dan faedah) dalam tempoh 1 tahun bermula bulan Februari 2011. Kadar faedah yang dikenakan ialah 5 % setahun.
- (ii) Premis perniagaan disewa pada kadar sewa bulanan RM800.
- (iii) Dua orang pekerja diambil pada bulan Januari dengan gaji bulanan RM360 seorang. Pada bulan Mac, seorang lagi pekerja diambil dengan gaji RM300 sebulan.
- (iv) Jangkaan hasil kutipan daripada perkhidmatan perniagaannya adalah seperti berikut:

	RM
Januari	3 125
Februari	3 875
Mac	2 875

- (v) Kadar bayaran dianggarkan sebanyak RM300 sebulan dan dijangka akan meningkat 2 % pada bulan Mac 2011.
- (vi) Anggaran perbelanjaan lain yang terlibat:

	Januari RM	Februari RM	Mac RM
Promosi	250	-	440
Hiasan dan wangian	-	120	-
Majalah dan Akhbar	36	48	66

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi 3 bulan berakhir Mac 2011.

[10 markah]

**Bahagian B**

[12 markah]

*Jawab satu soalan sahaja.*

- 5 Maklumat berikut diperolehi daripada rekod perniagaan OFFICE DÉCOR SUPPLIES untuk tempoh tiga tahun perniagaannya. Tahun kewangan perniagaan berakhir pada 31 Mac setiap tahun.

	Imbangan Duga Pada 31 Mac (baki debit)		
	2008	2009	2010
	RM	RM	RM
Baki penghutang pada 31 Mac	228 000	236 000	196 900
Hutang lapuk pada 31 Mac	1 221	996	234

**Maklumat tambahan:**

- |  | 2008 | 2009  | 2010  |
|--|------|-------|-------|
| (i) Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan kepada peratus yang ditetapkan atas penghutang bersih.   | 3 %  | 3.5 % | 2.5 % |
| (ii) Pada 1 April 2007, baki Akaun Peruntukan Hutang Ragu adalah RM6 090.  |      |       |       |
| (iii) Pada 25 Mac 2010, seorang pelanggan telah menghantar sekeping cek RM548 untuk menjelaskan hutang yang telahpun dihapus kira pada 31 Disember 2006. |      |       |       |
| (iv) Pada tahun 2010 didapati penghutang Samad telah tidak dapat menjelaskan hutangnya sebanyak RM300.   |      |       |       |

Berdasarkan kepada maklumat di atas, **anda dikehendaki menyediakan akaun** berikut untuk tiga tahun kewangan berkenaan:

- |                                  |            |
|----------------------------------|------------|
| (a) Akaun Hutang Lapuk           | [3 markah] |
| (b) Akaun Peruntukan Hutang Ragu | [7 markah] |
| (c) Akaun Hutang Lapuk Terpulih  | [2 markah] |

- 6 Maklumat berikut diperolehi daripada Imbangan Duga perniagaan HASLINDA SUPPLIES Sdn. Bhd. pada 30 Jun 2010.

Butir	RM
Jualan	338 700
Belian	246 900
Stok pada 1 Julai 2009	21 800
Aset Bukan Semasa	51 000
Sewa Diterima	24 000
Perbelanjaan	96 000
Penghutang	46 800
Pemiutang	31 000
Bank	25 200
Hasil Terakru	7 000
Belanja Terakru	6 000
Pinjaman Bank	45 000
Modal	?
<b>Maklumat tambahan:</b> Stok pada 30 Jun 2010 ialah RM28 800	

Berdasarkan kepada maklumat di atas, **anda dikehendaki:**

- (a) Mengira modal pada 30 Jun 2010 [2 markah]
- (b) Mengira, pada dua tempat perpuluhan
- (i) Tokokan [2 markah]
- (ii) Kadar pulangan atas modal [2 markah]
- (iii) Kadar pusing ganti [2 markah]
- (iv) Nisbah semasa [2 markah]
- (c) Mentafsir Nisbah Semasa yang telah dikira [2 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

---

---

**DOKUMEN PERNIAGAAN**

---

---

<b>ASAL</b>	<b>INVOIS</b>	<b>0886</b>
	<b>MARISA PERABOT</b> 130, Jalan San Peng 55 000 Kuala Lumpur Tel: 03-5519 2346	
Kepada: Kedai Alatan Sukan Firdaus 47, Jalan Nirwana 2 Taman Nirwana 68 000 Ampang		Tarikh: 1 Julai 2010
<b>BUTIRAN</b>	<b>KUANTITI (UNIT)</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
Almari Besi (11' x 7')	1	4 600-00
<b>JUMLAH</b>		<b>4 600-00</b>
(RINGGIT MALAYSIA: EMPAT RIBU ENAM RATUS SAHAJA)		
Syarat : 5 % 5 hari, 2 % 8 hari		
Serahan: Angkutan dibayar K. & K. di K		
<i>Marisa</i> ..... Penerima		<i>Firdaus</i> ..... Pengurus

**DOKUMEN 1**

<b>ASAL</b>	<b>BIL TUNAI</b>	<b>BT 8940</b>		
	<b>BEST SPORT ENTERPRISE</b> 25, Jalan Cochrane 55 100 Kuala Lumpur Tel: 03-5525 4140			
Kepada: Kedai Alatan Sukan Firdaus 47, Jalan Nirwana 2 Taman Nirwana 68 000 Ampang		Tarikh: 3 Julai 2010		
<b>BIL</b>	<b>BUTIRAN</b>	<b>KUANTITI</b>	<b>HARGA SEUNIT (RM)</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
1	Bola Sepak	20	40-00	800-00
2	Bola Jaring	20	35-00	700-00
<b>JUMLAH</b>				<b>1 500-00</b>
(RINGGIT MALAYSIA: SATU RIBU LIMA RATUS SAHAJA)				
Tunai / No. Cek:				
				<i>Daniel</i> ..... Pengurus

**DOKUMEN 2**

ASAL

INVOIS

4007

**ZARA SDN. BHD.**  
 Suite 47-4, Jalan 5/28G  
 KL Sub Urban Centre  
 Pusat Bandar Wangsa Maju  
 53300 Kuala Lumpur  
 Tel: 03-7648 8089

Kepada:  
 Kedai Alatan Sukan Firdaus  
 47, Jalan Nirwana 2  
 Taman Nirwana  
 68 000 Ampang

Tarikh: 5 Julai 2010

BIL	BUTIRAN	KUANTITI (UNIT)	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1	Bola Tampar	20	30-00	600-00
2	Bola Keranjang	40	40-00	1 600-00
3	Jaring Bola Jaring	200	15-00	3 000-00
4	Bola Sepak	30	40-00	1 200-00
				6 400-00
Tolak: Diskaun niaga 10 %				640-00
<b>JUMLAH</b>				<b>5 760-00</b>

(RINGGIT MALAYSIA: LIMA RIBU TUJUH RATUS ENAM PULUH SAHAJA)

Syarat : 5 % 5 hari, 3 % 10 hari  
 Serahan : Angkutan dibayar  
 K. & K. di K.

*Firdaus*

Penerima

*Zara*

Pengurus

DOKUMEN 3

ASAL

NOTA KREDIT

NK052

**ZARA SDN. BHD.**  
 Suite 47-4, Jalan 5/28G  
 KL Sub Urban Centre  
 Pusat Bandar Wangsa Maju  
 53300 Kuala Lumpur  
 Tel: 03-7648 8089

Kepada:  
 Kedai Alatan Sukan Firdaus  
 47, Jalan Nirwana 2  
 Taman Nirwana  
 68 000 Ampang

Tarikh: 7 Julai 2010

BIL	BUTIRAN	KUANTITI (UNIT)	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1	Bola Tampar	5	30-00	150-00
2	Bola Keranjang	3	40-00	120-00
(Bola dipulangkan kerana rosak)				270-00
Tolak: Diskaun niaga 10 %				27-00
<b>JUMLAH</b>				<b>243-00</b>

(RINGGIT MALAYSIA: DUA RATUS EMPAT PULUH TIGA SAHAJA)

Syarat : 5% 5 hari, 3% 10 hari  
 Serahan : Angkutan dibayar  
 K. & K. di K.

Zara

Pengurus

## DOKUMEN 4

Tarikh : 10 Julai 2010  
 Penerima : Marisa Perabot  
 Kerana : Menjelaskan invoice No. 0886

	RINGGIT	SEN
Baki akhir	56 500	00
Dimasukkan	-	-
Jumlah	56 500	00
Cek ini	4 600	00
Baki	51 900	00

KERATAN CEK

No. 637561

## DOKUMEN 5

<b>ASAL</b>	<b>INVOIS</b>		<b>0223</b>
	<b>RIDZUAN ENTERPRISE</b> 1502, Jalan Wira 6 Taman Maluri 55 100 Kuala Lumpur Tel: 03-5526 7398		
Kepada: Kedai Alatan Sukan Firdaus 47, Jalan Nirwana 2 Taman Nirwana 68 000 Ampang			Tarikh: 12 Julai 2010
<b>BUTIRAN</b>	<b>KUANTITI (UNIT)</b>	<b>HARGA (RM)</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
Mesin Faks	1 buah	300-00	300-00
Tolak: Diskaun niaga 10%			300-00
<b>JUMLAH</b>			30-00
			270-00
(RINGGIT MALAYSIA: DUA RATUS TUJUH PULUH SAHAJA)			
Syarat : 5 % 5 hari, 2 % 10 hari			
Serahan: Angkutan dibayar			
K. & K. di K.			
<i>Firdaus</i> ..... Penerima			<i>Ridzuan</i> ..... Pengurus

**DOKUMEN 6**

<b>ASAL</b>	<b>RESIT RASMI</b> <b>ZARA SDN. BHD.</b>		<b>0115</b>
	Suite 47-4, Jalan 5/28G, KL Sub Urban Centre Pusat Bandar Wangsa Maju 53300 Kuala Lumpur Tel: 03-7648 8089		
			13 Julai 2010
Diterima daripada :	Kedai Alatan Sukan Firdaus		
Sebanyak RM :	Lima ribu tiga ratus lima puluh satu sahaja		
Untuk bayaran :	Bayaran invois No. 4007 dan nota kredit 052 (Diskaun tunai RM166)		
RM 5 351			<i>Zara</i> .....
Tunai / No.Cek: MBC 345190			Pengurus

**DOKUMEN 7**

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

## MEMO

## KEDAI ALATAN SUKAN FIRDAUS

47, Jalan Nirwana 2

Taman Nirwana

68 000 Ampang

Tarikh: 15 Julai 2010

Peringatan:

Pemilik mengeluarkan tunai RM700 untuk promosi pembukaan kedai.

*Firdaus*

Pengurus

## DOKUMEN 8

SALINAN

INVOIS

0001

## KEDAI ALATAN SUKAN FIRDAUS

47, Jalan Nirwana 2

Taman Nirwana

68 000 Ampang

Kepada:

Koperasi Cergasih Bhd.

501, Jalan Peel

55 100 Kuala Lumpur

Tarikh: 19 Julai 2010

BIL	BUTIRAN	KUANTITI (UNIT)	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1	Bola Sepak	20	45-00	900-00
2	Bola Keranjang	10	45-00	450-00
				1 350-00
Tolak: Diskaun niaga 10 %				135-00
<b>JUMLAH</b>				<b>1 215-00</b>

(RINGGIT MALAYSIA: SATU RIBU DUA RATUS LIMA BELAS SAHAJA)

Syarat : 5 % 5 hari, 2 % 8 hari

Serahan : Angkutan dibayar

K. &amp; K. di K.

*Suria*

Penerima

*Firdaus*

Pengurus

## DOKUMEN 9

SALINAN

NOTA DEBIT

ND001

**KEDAI ALATAN SUKAN FIRDAUS**

47, Jalan Nirwana 2  
Taman Nirwana  
68 000 Ampang

Kepada:  
Koperasi Cergasih Bhd.  
501, Jalan Peel  
55 100 Kuala Lumpur

Tarikh: 21 Julai 2010

BIL	BUTIRAN	KUANTITI (UNIT)	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1	Bola Sepak	4	45-00	180-00
Tolak: Diskaun niaga 10 %				180-00
				18-00
<b>JUMLAH</b>				<b>162-00</b>

(Barang tertinggal catat dalam invoice No. 0001 bertarikh 19 Julai 2010)

(RINGGIT MALAYSIA: SATU RATUS ENAM PULUH DUA SAHAJA)

Syarat : 5 % 5 hari, 2 % 8 hari  
Serahan : Angkutan dibayar  
K. & K. di K.

*Suria*

.....  
Penerima

*Firdaus*

.....  
Pengurus

DOKUMEN 10

<b>BAUCER PEMBAYARAN</b>		<b>No. 041</b>
<b>KEDAI ALATAN SUKAN FIRDAUS</b>		
47, Jalan Nirwana 2 Taman Nirwana 68 000 Ampang		
Kepada: En. Izwan Helmi 27, Jalan Indah 4 Taman Maju Jaya 55 100 Kuala Lumpur		Tarikh: 27 Julai 2010
<b>BIL</b>	<b>KETERANGAN</b>	<b>Tunai / <del>Cek</del></b>
1	Sewa kedai bulan Julai 2010	RM600-00
	<b>JUMLAH</b>	RM600-00

(RINGGIT MALAYSIA: ENAM RATUS SAHAJA)

Diluluskan oleh

*Firdaus*  
.....  
Pengurus

**DOKUMEN 11**

<b>SALINAN</b>	<b>RESIT RASMI</b>	<b>001</b>
<b>KEDAI ALATAN SUKAN FIRDAUS</b>		
47, Jalan Nirwana 2 Taman Nirwana 68 000 Ampang		
		30 Julai 2010
Diterima daripada :	Koperasi Cergasih Bhd. ....	
Sebanyak RM :	Satu ribu tiga ratus tujuh puluh tujuh sahaja .....	
Untuk bayaran :	Menjelaskan semua hutang .....	
RM1 377		<i>Firdaus</i> .....
Tunai / No.Cek: MBC 715607		Pengurus

**DOKUMEN 12**